

TARIKH : 26 APRIL 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

Tekanan inflasi dijangka kekal tinggi

Tekanan inflasi dijangka kekal tinggi

Antara punca adalah disebabkan kenaikan harga komoditi global, faktor cuaca buruk dan kos input meningkat

KUALA LUMPUR

Public Investment Bank Bhd (Public Investment Bank) menjangkakan Malaysia bakal menghadapi tekanan inflasi tinggi dalam tempoh jangka pendek walaupun kadar pertumbuhan dijangka perlahan pada separuh pertama 2023.

Public Investment Bank dalam nota penyelidikan pada Selasa berkata, beberapa risiko menaik termasuk kenaikan harga komoditi global yang disebabkan oleh ketegangan geopolitik, faktor cuaca buruk, permintaan China lebih kukuh daripada jangkauan dan kos input meningkat akibat perkembangan kadar pertukaran adalah antara beberapa sebab kepada unjuran tersebut.


"Selain itu, pengubahsuaian kepada subsidi domestik dan dasar kawalan harga mungkin menimbulkan tekanan inflasi tambahan.

"Bagaimanapun, kami percaya subsidi untuk petrol RON95 dan diesel yang ditetapkan, masing-masing pada RM2.05 dan RM2.15 seliter mungkin tertakluk ke-



Inflasi akan menjadi sederhana tetapi kekal tinggi

Inflasi (%)



Sebelum ini, Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan inflasi keseluruhan dan inflasi teras purata antara 2.8 hingga 3.8 peratus pada tahun ini.

pada semakan serta berpotensi meningkat secara beransur-ansur pada akhir tahun ini," katanya.

Menurut Public Investment Bank, tanpa subsidi petrol dianggarkan harga sebenar RON95 mencecah lebih kurang RM3.22 seliter berbanding RM2.05 seliter sekarang.

"Justeru, kami menjangkakan bahawa pelarasan beransur-ansur kepada harga subsidi RON95 dan diesel pada separuh kedua 2023 boleh menyebabkan inflasi

utama negara menghampiri had julat unjuran rasmi sebanyak 2.8 peratus hingga 3.8 peratus.

"Kami turut menganggarkan bahawa menghapuskan subsidi bahan api untuk kumpulan T20 (golongan berpendapatan tinggi) yang kini menyumbang 35 peratus daripada keseluruhan semua subsidi bahan api pada 2022 akan meningkatkan kadar inflasi sebanyak 0.45 hingga 0.75 mata peratusan tambahan setiap tahun," katanya. - *Bernama*